

30/09/1998

Mahathir nafi tuduhan Goh

KUALA LUMPUR, Selasa - Tuduhan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, bahawa tindakan Malaysia mengawal perdagangan mata wang dan pasaran sahamnya sebagai cuba memiskinkan republik itu adalah tidak berasas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak mungkin sebuah negara begitu kaya seperti Singapura dapat dimiskinkan hanya dengan tindakan Malaysia mengadakan pelbagai langkah bagi memulihkan ekonomi negara sendiri.

"Kita tidak mungkin memiskinkan Singapura, negara yang begitu kaya. Apa yang kita hendak ialah memulangkan kekayaan kita kepada negara kita sendiri.

"Kini tindakan yang kita ambil telah mendapat kesan yang baik, jika Yang Berhormat (Dr Tan Seng Giaw, DAP-Kepong) berkata kita dapat tambahan AS\$90 juta kepada rizab negara, tetapi angka sebenarnya ialah AS\$1 bilion.

"(Ini bermakna) Rizab kita meningkat daripada AS\$20 bilion kepada AS\$21 bilion dalam jangka masa hanya tiga minggu. Ini adalah hasil tindakan kita," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998, hari ini.

Ketika membahaskan akta ini, Dr Tan berkata, ini adalah kali pertama sejak 1990, parti pembangkang DAP dan Pas memberi sokongan padu kepada usaha kerajaan untuk memulihkan kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia dan Singapura tidak pernah mengadakan sebarang perjanjian yang membenarkan pasaran saham bebas republik itu, Central Limit Order Book (Clob), membuat urusaniaga bagi pihak negara ini.

"Tetapi Clob atau kerajaan Singapura menyemak undang-undang kita dan mendapati peluang bagi mereka menjual beli saham Malaysia melalui peruntukan syarikat nominee iaitu ada kalanya pemilik saham tidak mahu namanya dizahirkan.

"Mereka menggunakan syarikat nominee dan ini dibenarkan mengikut undang-undang kita. Tetapi tujuan mereka ialah supaya dengan cara ini mereka dapat berniaga dalam syarikat nominee tanpa memaklumkan pada BSKL," katanya.

Urusniaga tidak telus itu kata Perdana Menteri, menyaksikan Clob mendaftar sehingga 200,000 pemilik saham.

"Kita tidak tahu menahu kegiatan mereka tapi kesan perniagaan mereka pada harga saham adalah ketara kerana mereka menurunkan nilai saham, sehingga mengakibatkan kita menghadapi banyak masalah," katanya.

Menjawab soalan Dr Tan mengapa kerajaan tidak menerima bantuan negara maju seperti Jepun bagi memulihkan ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, Jepun memang berhasrat untuk menghulur bantuan tetapi negara maju lain tidak mahu melihat negara ini pulih, apabila mengenakan pelbagai tekanan dengan tujuan supaya Malaysia akhirnya 'melutut' kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Alhamdulillah, sehingga sekarang walaupun tekanan berat kita masih dapat mengekalkan kemerdekaan dari segi ekonomi dan tindakan mereka (negara asing) sudah tidak berkesan lagi.

"Kita yakin dapat mempertahankan kemerdekaan sampai kita dapat pulih semula ekonomi negara," katanya.

Apa yang menarik, menurut Dr Mahathir, ialah negara-negara terbabit kini mula mengakui kebenaran teguran Malaysia mengenai perlunya perdagangan mata wang dunia dikawal, apabila ada syarikat yang mengurus dana lindung

nilai antarabangsa mengalami kerugian hingga AS\$1 trilion.

"Bila kena batang hidung sendiri baru mereka sedar bahawa dakwaan kita berasas dan sekarang mereka lebih bersedia menerima teguran daripada kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, galakan Malaysia kepada pelabur asing selama ini telah disalahgunakan, apabila mereka hadir hanya untuk menjual beli mata wang dan saham syarikat-syarikat negara ini bagi mencipta keuntungan segera.

"Inilah punca kita menghadapi banyak masalah kerana dagangan mata wang dunia adalah lebih 20 kali ganda besarnya daripada dagangan biasa. (Contohnya) Nilai dagangan mata wang dunia sehari ialah sebanyak AS\$2.3 trilion. Ini adalah 20 kali ganda lebih besar daripada dagangan biasa pada satu-satu hari.

"Tetapi dagangan seperti ini tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada kita sebab itulah kita telah mengasingkan ringgit daripada pasaran mata wang dunia.

"Bagaimanapun keyakinan orang (pelabur) asing masih kita perlukan, tetapi hanya dalam pelaburan biasa bukan dalam urusan saham," jelasnya.

(END)